

Peletakan jawatan Nizam Ismail dari AMP telah membangkitkan beberapa persoalan mengenai hubungan masyarakat sivik dengan pemerintah. Berikut ialah sedutan terjemahan laporan akhbar *The Straits Times* mengenai isu itu yang disiarkan Sabtu lalu.

Antara aktivisme sosial dan politik wibawa

BILAKAH aktivisme sosial berubah menjadi politik atau memihak?

Persoalan ini, sering sukar dijawab dalam konteks Singapura, mendapat tumpuan lagi baru-baru ini.

Baru-baru ini, peguam dan aktivis, Encik Nizam Ismail, meletakkan jawatan dari Angkatan Karyawan Islam (AMP) selepas beliau diberitahu pemerintah prihatin dengan komen yang dalam talian dan penyertaannya dalam dua acara politik “secara peribadi”.

Mesej yang disampaikan kepadanya ialah beliau perlu “mengurangkan” kegiatannya atau pemerintah akan menghentikan pembiayaan AMP.

Jika tidak, beliau perlu menjauhkan dirinya daripada kumpulan bantu diri itu.

AMP dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, telah menafikan pemerintah campur tangan dalam pengurusan AMP.

Pemerintah berkata, Encik Nizam telah berulang kali menggunakan AMP sebagai wadah bagi mempromosikan politik perkauman, tuduhan yang dinafikan Encik Nizam di dalam blognya.

Episod itu telah mencetuskan perbincangan, berlaku minggu yang sama apabila Kementerian Ehwat Dalam Negeri dan Kementerian Tenaga Manusia mengeluarkan kenyataan yang keras sebagai respons terhadap sokongan beberapa NGO dan individu kepada dua bekas drebar bas SMRT yang mendakwa didera polis semasa dalam tahanan.

Kedua-dua insiden menimbulkan persoalan tentang hubungan pemerintah dengan masyarakat sivik dan ruang di mana kumpulan-kumpulan ini boleh beroperasi.

Walaupun masyarakat sivik biasanya mengejar matlamat dan kepentingan yang pemerintah sahaja tidak dapat penuhi, sejarah menunjukkan bahawa terdapat zon yang sensitif bagi pemerintah.

Penanda aras atau *Out-of-Bound marker* (OB) ini merangkumi “kaum” dan “politik”, yang merupakan kebimbangan sejak dahulu di dalam masyarakat Singapura.

Hubungan Pemerintah-Masyarakat

Insiden terbaru bukanlah yang pertama apabila Pemerintah menggunakan label memihak atau politik untuk melahirkan ketidaksetujuan dengan pemain yang menyimpang daripada batas.

Pada 1994, penulis Catherine Lim telah dikedek oleh Perdana Menteri pada waktu itu, Encik Goh Chok Tong, selepas beliau menulis satu artikel mengenai “jurang pemisah efektif” antara pemerintah dan warga Singapura kerana pemerintah menggunakan pendekatan dari atas-bawah.

Pemerhati yang ditemui berkata, pendirian pemerintah bahawa politik dan komen politik semata-mata adalah untuk parti-parti politik tidak banyak berubah sejak episod 1994.

Kebimbangan utama pemerintah, seperti yang disuarakan mantan menteri, Encik George Yeo, dalam temu ramah 1999 dengan penerbitan AMP, ialah kumpulan atau individu boleh menjadi boneka bagi orang



MELAHIRKAN BANTAHAN: Warga Singapura berkumpul di Sudut Pidato di Hong Lim Park pada 16 Februari lalu bagi membantah saranan yang dikemukakan pemerintah dalam Kertas Putih Kependudukan. – Foto THE STRAITS TIMES

Meneliti tiga persoalan pokok

BERIKUT adalah tiga persoalan utama yang timbul dalam beberapa episod berkaitan hubungan antara pertubuhan sivik dan pemerintah baru-baru ini.

Isu pertama: Apakah yang dianggap sebagai memasuki arena politik?

Terdapat satu garis pemisah yang halus antara apa yang disifatkan sebagai soal peribadi, sosial atau politik.

Beberapa pemerhati berpendapat kebanyakan isu sosial mudah berubah menjadi isu politik.

Namun, para pemerhati berkata penafsiran isu politik adalah subjektif.

Walapun kebanyakan isu boleh dipolitikkan, apa yang penting ialah menentukan siapakah yang memperjuangkan isu-isu sedemikian dan apakah cara-cara yang digunakan.

Sebarang percubaan untuk memperjuangkan sesuatu isu dengan menyebabkan pertelingkahan, perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat adalah sesuatu larangan yang jelas, kata penganalisis.

Isu kedua: Bolehkah seseorang yang memegang kedudukan awam menyuarakan pandangan peribadi?

Encik Nizam Ismail, bekas pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), mempertahankan kehadirannya di rapat bantahan Kertas Putih dan forum Parti Pekerja (WP) dengan memberi alasan bahawa kenyataan yang dikemukakan adalah bersifat peribadi dan tidak mewakili AMP.

Apakah alasan ini mencukupi untuk membezakan antara pandangan peribadi beliau dan AMP?

Dalam hal ini, para penganalisis berpendapat bahawa persepsi masyarakat harus diambil kira.

Presiden Taman Bacaan, Encik Abdul Halim Kader, akur bahawa pertalian yang lama antara Encik Nizam dan AMP membuatnya sukar bagi orang ramai membezakan antara kedua-duanya.

Atas sebab itulah yang mendorong mantan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Encik Imram Mohamed, untuk mengundurkan diri sebagai anggota lembaga pengarah AMP apabila beliau memasuki parlimen pada 1994.

“Saya akan meluahkan pandangan saya sendiri di Parlimen dan saya tidak mahu orang ramai berkata saya bercakap bagi pihak AMP,” katanya.

Lantaran itu, beberapa penganalisis berkata seseorang harus mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati untuk mengelakkan sebarang keraguan.

Isu ketiga: Apakah kedudukan badan-badan sosial yang menerima dana pemerintah?

Selepas Encik Nizam mengundurkan diri daripada AMP, Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, menekankan bahawa bantuan kewangan yang disediakan pemerintah kepada badan-badan bantu diri tidak seharusnya digunakan untuk tujuan politik atau kegiatan yang mempunyai agenda politik.

Para penganalisis tidak mempertikaikan dasar sedemikian.

Sesebuah pemerintah yang dipilih mempunyai hak dan kuasa untuk menetapkan peraturan-peraturan mengenai penggunaan dana awam dan mempertimbangkan bagaimana ia harus disalurkan.

Mantan Anggota Parlimen Dilantik, Encik Zulkipli Baharudin, berpendapat setiap badan yang menerima dana harus bertanggungjawab kepada penyedia dana, walaupun dana tersebut bukanlah daripada sumber pemerintah.

Anggota Parlimen Dilantik (NMP) Laurence Lien pula menyeru bagi pembentukan masyarakat sivik yang lebih matang tetapi berujah bahawa kebanyakan pertubuhan bukan meraih keuntungan adalah lebih mirip “kontraktor kecil” yang menyampaikan khidmat sosial bagi mewakili pemerintah. Namun terdapat tanda-tanda bahawa petanda OB ini semakin dilonggarkan.

Pada 1991, Encik Yeo membuat ucapan di mana beliau membandingkan pemerintah kepada pokok banyan yang perlu dicantas dengan berhati-hati supaya institusi sivik dapat berkembang.

Pada 2004, sebelum beliau mengambil alih daripada Encik Goh sebagai Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, sena-ma berucap di Kelab Harvard, menyeru bagi penyertaan sivik lebih aktif.

Anggota Parlimen Dilantik (NMP) Laurence Lien pula menyeru bagi pembentukan masyarakat sivik yang lebih matang tetapi berujah bahawa kebanyakan pertubuhan bukan meraih keuntungan adalah lebih mirip “kontraktor kecil” yang menyampaikan khidmat sosial bagi mewakili pemerintah. Namun terdapat tanda-tanda bahawa petanda OB ini semakin dilonggarkan.

Pada 1991, Encik Yeo membuat ucapan di mana beliau membandingkan pemerintah kepada pokok banyan yang perlu dicantas dengan berhati-hati supaya institusi sivik dapat berkembang.

Pada 2004, sebelum beliau mengambil alih daripada Encik Goh sebagai Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, sena-ma berucap di Kelab Harvard, menyeru bagi penyertaan sivik lebih aktif.

“Pemerintah tidak akan memandang semua kritikan sebagai lawan.

“Sekiranya ada sumbangan ikhlas untuk memperbaiki dasar-dasar pemerintah, tetapi sesuatu yang kami tidak setuju, respons kami tidak akan berpihak dan berdasarkan fakta, menunjukkan di mana kritikan itu tersilap tetapi menggalak pengkritik terus melibatkan diri atau mengemukakan hujah susulan.

“Namun sekiranya kritikan itu hanya untuk meraih kepentingan politik dan menggugat kedudukan pemerintah, sama ada tidak atau itulah tujuan sebenarnya, sudah tentu ia sesuatu perkara yang berbeza,” kata Encik Lee.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, mengulangi bahawa kritikan daripada NGO bukanlah secara automatik tidak diterima oleh pemerintah.

“NGO tidak seharusnya diperalatkan bagi menyembunyikan matlamat politik berpihak,” katanya.

Lantas bagaimana dapat kita memandang kontroversi yang menyelubungi Encik Nizam dan NGO yang terlibat dalam kes drebar bas SMRT?

Kes Encik Nizam adalah lebih rumit, kerana reaksi pemerintah boleh dilihat daripada sejarah AMP dan beberapa kali arah tujuannya berbeza daripada pemerintah PAP.

Peranan pertubuhan amal

Dr Yaacob berkata, dana awam tidak harus digunakan untuk membangunkan “wadah bagi orang perseorangan melibatkan diri dengan politik berpihak”.

Hakikatnya, laman AMP berkata ia merupakan pertubuhan amal. Ia menguruskan khidmat masyarakat seperti menyediakan biasiswa dan program perniagaan mikro.

Pemimpin AMP juga menegaskan bahawa ia mahu wadah yang tidak berpihak.

Namun mengapakah pemerintah PAP kurang senang dengan langkah AMP yang mahu membentuk kepimpinan alternatif bagi masyarakat Melayu.

Semasa pembentukannya pada 1991, AMP menyarankan ia sesuatu yang boleh dicapai, dan pada 2000, ia menyeru pembentukan “kepimpinan kolektif” yang dipilih oleh masyarakat.

Kesannya ialah “Anggota Parlimen Melayu mungkin kurang berkesan dalam memimpin masyarakat”.

Cadangan ini dilihat pemerintah sebagai memasuki arena politik perkauman.

Encik Goh berkata, ia adalah “jelas satu cabaran politik kepada Anggota Parlimen Melayu” dan akan menyebabkan masyarakat lain mendesak demi kepentingan mereka sendiri. AMP kemudian menggugurkan idea itu.

Tahun lalu, AMP mencadangkan Forum Masyarakat (ComFor) yang membincangkan agenda nasional, kaum dan berasaskan isu.

PM Lee menggesa “mereka supaya berhati-hati sekiranya mereka ingin menceburi isu-isu masyarakat sivik yang tidak ada kaitan langsung dengan masyarakat Melayu/Islam.” AMP kemudian menggugurkan idea itu.

Dalam dua surat, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) mendakwa

Encik Nizam memperjuangkan politik perkauman dengan cuba menghidupkan “kepimpinan kolektif” menerusi ComFor. MCCY turut menyebut tentang komen yang dibuat Encik Nizam di dalam blog dan kumpulan Facebooknya.

Politik dan kepimpinan

Isu itu menimbulkan tengkarah apabila kisah-kisah tersebar, pertama dalam akhbar *Berita Harian* dan kemudian di Internet, mengenai persoalan kehidupan peribadi Encik Nizam dan kedudukan kewangannya.

Ini mengundang reaksi masyarakat Melayu/Islam, hingga mendorong Encik Nizam mengadu bahawa beliau menjadi alat kebencian.

Encik Nizam juga telah menolak tuduhan mengenai politik perkauman walaupun MCCY menarik perhatian bahawa Encik Nizam telah “memainkan peranan utama di konvensyen AMP dan memperjuangkan isu itu”.

Ada pihak yang turut mempertahankan Encik Nizam. Bekas pengerusi AMP, Encik Imram Mohamed, menarik perhatian bahawa AMP ditubuhkan sebagai kumpulan berdasarkan kaum.

Beliau dan Encik Azmoon dan beberapa pemimpin Melayu yang lain telah memberi isyarat tentang hasrat mereka mahu menuntut perkara itu dan cuba memulihkan perselisihan yang timbul.

Namun pemerintah berkata, sifat naluri AMP yang mahu kepimpinan alternatif akan muncul dari semasa ke semasa. Profesor Madya Reuben Wong dari Universiti Nasional Singapura melihat dua kesan terhadap kes Encik Nizam dan mogok drebar SMRT.

Satu ialah persoalan yang akan dibangkitkan mengenai autonomi AMP, yang mana ia merupakan keadaan yang akan merugikan kedua-dua AMP dan pemerintah kerana “masyarakat sivil dilihat paling berkesan apabila ia dilihat sebagai berautonomi”.

Dua, pemerintah perlu memberi keyakinan kepada masyarakat sivil dan tidak merenggangkannya sebagai satu blok, katanya lagi.

Rumusan

Hakikatnya, masyarakat Singapura menjadi lebih pelbagai, pemerintah perlu sokongan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil untuk menarik sokongan ketika melaksanakan beberapa dasar, jelasnya lagi.

Adalah lebih baik pemerintah melibatkan mereka secara terbuka daripada memaksa mereka menyuarakan bantahan mereka di alam siber secara sembunyi atau tanpa nama.

Encik Yeo berkata pada 1999 tentang bagaimana orang awam sendiri yang perlu menentukan garis panduannya.

“Beberapa garis memang sukar dilukis terlebih dahulu, tetapi dalam tempoh masa, kita boleh mewujudkan konvensyen tertentu.

“Kadangkala terdetus kontroversi, satu kejadian besar yang mencetuskan perdebatan awam. Selepas beberapa waktu, sudut kefahaman yang difahami muncul.

“Ini adalah “undang-undang bersama” bagi mewujudkan piawaian bagi masyarakat kita,” jelas Encik Yeo lagi.